

Dua karyawan Muslim terpilih ikuti Program Fulbright

Oleh **CHAIROL FAHMY HUSSAINI**
chairof@sph.com.sg

DUA karyawan Melayu/Is-lam telah terpilih untuk mengikuti Program Fulbright, sebuah program sarjana berprestij, yang ditaja oleh pemerintah Amerika Syarikat.

Kedua-dua mereka, Encik Zalman Putra Ahmad Ali dan Cik Nor Hidayah Mohd Amin, akan mengikuti pengajian peringkat sarjana di negara itu mulai bulan depan. Mereka adalah antara lima warga Singapura yang dipilih bagi program itu tahun ini.

Tiga lagi individu ialah Cik Kang Mei Ling, Encik Chow Chee Kin, dan Encik Ling Young Ern.

Ditemui di Kedutaan Amerika Syarikat di Napier Road Putra, 32 tahun, mengakui pemilihannya itu sememangnya tidak dijangka dan bersyukur kerana terpilih mengikuti program itu.

Bapa dua anak berusia lima dan enam tahun itu akan

mengikuti pengajian peringkat Sarjana Sastera dalam Pengajian Agama di Hartford Seminary, Connecticut.

Menurutnya, beliau memilih bidang itu kerana minatnya terhadap kebangkitan agama yang berlaku terutamanya Islam dan Kristian di kalangan golongan kelas pertengahan.

Selaku Penolong Ketua di Unit Perancangan Strategik Kajian dan Pengembangan di Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), Encik Zalman berkata, program ini membinanya peluang menjalin hubungan dengan para sarjana di peringkat global.

"Program ini juga dapat mendedahkan kepada saya pemikiran dan idea yang lebih meluas dalam konteks kehidupan masyarakat yang terbuka," kata beliau.

Harfort Seminary merupakan antara institusi ulung yang mengemukakan program pengajian antara agama, terutamanya Islam dan Kristian.

Encik Zalman Putra akan berangkat bersama-sama is-

teri dan kedua-dua anaknya ke Amerika pada 28 Ogos ini dan dijangka selesai mengikuti pengajian pada Jun 2008.

Sejak dilancarkan hampir 60 tahun lalu, Program Fulbright telah menarik sebanyak 220,000 penyertaan dari serata dunia.

Sementara itu, Cik Nor Hidayah, 33 tahun, pula akan mengikuti program Sarjana Sains dalam bidang Pengajaran Teknologi di Universiti Lehigh di Bethlehem, Pennsylvania.

Beliau yang belum bermah tanga dan bertugas sebagai Penerbit Media di Kementerian Pendidikan sejak lima tahun lalu bercadang mengambil kesempatan itu untuk meluaskan pengetahuannya terhadap penggunaan teknologi dalam merubah corak pembelajaran.

"Keberangkatan saya nanti akan penuh dengan barangan komputer yang perlu dibawa memandangkan ia adalah penting bagi saya semasa mengikuti pengajian itu," kata beliau.



FOTO: KHALID BABA

PENCAPAIAN MEMBANGGAKAN: Encik Zalman Putra dan Cik Nor Hidayah akan berlepas ke Amerika bulan depan untuk ikuti Program Fulbright.